

02/10/1997

Urus niaga mata wang secara berhemah

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin menyarankan supaya peraturan tertentu diperkenalkan bagi mengawal perniagaan mata wang supaya urus niaga mengenainya dijalankan lebih terbuka. Tujuan utamanya ialah untuk mengelakkan sesebuah negara daripada menjadi mangsa manipulasi. Negara yang berpotensi sebagai mangsa manipulasi adalah terlalu banyak. Malah, setiap negara terdedah kepada risiko ini, terutamanya negara membangun. Pasaran terbuka tidak boleh sentiasa dijadikan alasan peniaga melakukan apa saja. Peniaga, pelabur, pengurus dana dan sebagainya perlu mengambil kira tanggungjawab yang terpaksa dipikul oleh sesebuah negara untuk memakmurkan negara dan rakyatnya. Kemakmuran yang dikecapi menerusi usaha sekian lama oleh sesebuah negara, tidak seharusnya dimusnahkan oleh satu kuasa perniagaan yang hanya menggunakan cara mudah untuk membuat keuntungan besar.

Untuk mendapat untung lumayan atas perniagaan yang tidak jelas barangan yang diurusniagakan, adalah perniagaan yang hanya berasaskan kepada keuntungan tanpa memikirkan tanggungjawab sosial terhadap manusia. Ia adalah perniagaan yang tidak berperikemanusiaan.

Kita akui urus niaga pertukaran wang adalah perniagaan 24 jam yang sukar dikawal. Urus niaga wang bergerak sepanjang masa sama ada malam atau siang. Malah, urus niaga wang, tidak ada sempadan. Tidak ada kuasa yang boleh menahan seseorang membeli wang negara yang menjadi sasaran untuk mereka membuat untung. Mereka akan menjual wang berkenaan apabila nilainya meningkat. Untuk menaikkan atau menurunkan nilai wang sesebuah negara, mereka akan menggunakan kuasa manipulasi. Kuasa wang biasanya digunakan untuk tujuan ini.

Sebagaimana dibayangkan oleh Dr Mahathir, jika berniaga dalam pasaran komoditi, sudah pasti ada barangan yang diurusniagakan sama ada getah, sawit, barangan siap dan sebagainya. Pembelinya membayar dengan harga yang ditetapkan dan mereka mendapat komoditi yang dibeli secara fizikal. Kedua-dua penjual dan pembeli mendapat untung daripada perniagaan masing-masing. Begitu juga dalam perniagaan logam seperti bijih timah dan bahan galian lain. Ada wang yang dibayar dan ada barangan yang diperniagakan. Tetapi, dalam perniagaan pasaran wang, tidak ada barangan yang jelas walau pun sesetengah pihak menganggap wang juga adalah satu komoditi. Yang jelas, mereka membeli dan menjual wang.

Kita percaya apa yang cuba disarankan oleh Dr Mahathir ialah menggalakkan urus niaga mata wang secara lebih berhemah dan mengelakkan sebarang usaha pihak tertentu menggunakan pasaran untuk mengaut untung tanpa memperdulikan kesan yang akan dihadapi oleh negara tertentu. Tidak siapa boleh menafikan wujudnya manipulasi oleh pihak tertentu dengan tujuan menaikkan sesuatu mata wang atau menjunamkannya. Masalahnya, kegiatan manipulasi pasaran wang sekarang sudah begitu subur seolah-olah diterima sebagai satu disiplin pasaran. Sebarang usaha mengawalnya mendapat tentangan.

Kita akui, disebabkan kegiatan urus niaga pasaran wang dianggap sejenis perniagaan yang diterima masyarakat perniagaan, ia memang sukar dihapuskan sama sekali. Namun, ini tidak bermakna peraturan tertentu tidak boleh diperkenalkan bagi memperbaiki sistem berkenaan. Kita percaya di kalangan negara yang pernah menerima kesan kejatuhan mata wang, mereka pastinya bersetuju jika peraturan baru ini diperkenalkan. Apalah gunanya membiarkan jenis perniagaan yang penuh dengan risiko. Hari ini, kebanyakan negara

yang dilanda masalah penurunan nilai mata wang, mula merasai kesannya. Ia mungkin mempunyai hikmah tetapi kos yang perlu dibayar adalah terlalu tinggi. Malaysia, umpamanya, terpaksa memperkenalkan beberapa langkah baru untuk membendung masalah penurunan mata wang ini. Walaupun kesannya belum menyeluruh, namun bagi mereka yang mempunyai urusan di luar negara, kos yang perlu dibayar sudah meningkat pada kadar yang dianggap tinggi.

Cadangan Dr Mahathir ini seharusnya diberi pertimbangan wajar. Beberapa badan terkemuka dunia seperti Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) seharusnya memikirkan cara dan mekanisme terbaik mengenainya. Sekurang-kurangnya kita mahu ada daya usaha daripada badan berkenaan untuk memperbaiki corak urus niaga mata wang supaya ia tidak boleh memberi kesan kepada sesebuah negara dan menjejaskan ekonomi dunia. Bagaimanapun, kita mahu keputusan yang diambil tidak seharusnya terikat kepada kepentingan mana-mana negara atau mana-mana pihak.

(END)